

24 SEP 1997

Mahathir-Musabaqah

PERDANA MENTERI HADIR MAJLIS PENUTUP MUSABAQAH KEBANGSAAN

KUALA TERENGGANU, 24 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menghadiri majlis penutup dan penyampaian hadiah Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan ke-40 di Stadium Sultan Ismail Nasiruddin Shah di sini pada 6-10 Oktober ini.

Menteri Besar Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad berkata Sultan Terengganu akan berangkat ke majlis penutup tilawah pada 10 Okt manakala Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pula akan melakukan majlis perasmian pada 6 Oktober.

Ketika bercakap kepada pembertua selepas mesyuarat Exco hari ini, Wan Mokhtar berkata Dr Mahathir akan melakukan upacara perasmian Institut Teknikal Terengganu (TATI) di Kemaman pada 11 Oktober.

Beliau berkata Dr Mahathir dijadualkan pulang ke Kuala Lumpur melalui lapangan terbang Kerteh pada kira-kira pukul 2 petang.

Wan Mokhtar berkata 29 peserta termasuk johan menunggu (qari dan qariah) dari 14 buah negeri akan mengambil bahagian dalam tilawah bertema "Akhlak Mulia Umat Sejahtera" itu.

Beliau berkata kerajaan negeri dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah menyusun beberapa program bagi tujuan memperluas kesedaran tentang pentingnya akhlak dan budaya hidup murni berteraskan ajaran Al-Quran.

Menurut beliau antara program itu ialah seminar Al-Quran peringkat kebangsaan kali ke-enam bertempat di Dewan Al-Muktafi Billah Shah, Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin (KUSZA) pada 7-8 Okt.

Kira-kira 850 orang terdiri daripada peserta dan hakim majlis tilawah Al-Quran, pegawai kerajaan negeri dan persekutuan, institusi pengajian tinggi dan sektor swasta akan menyertainya.

Tiga kertas kerja ditulis Dr Ismail Ibrahim daripada Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Dr Wan Mohammad Noor Wan Daud (ISTAC) dan Datuk Ambak Ismail, Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu akan dibentangkan.

Wan Mokhtar berkata majlis itu akan dirasmikan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Abdul Hamid Othman. -- Bernama

ib oba